

TAHUN 10 BILANGAN 13 RABU 7 JULAI, 1965 1385 ربيع الاول PERCHUMA

PERSIDANGAN M.M.D. BRUNEI DAN MUARA:

4 USUL DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah meluluskan 2 usul dengan suara ramai dan juga meluluskan 2 usul lagi dengan pindaan dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasyarakatan pada pagi hari Selasa 29 Jun, 1965.

Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar dan di-mulai dengan Bacaan Do'a Selamat oleh Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah mengemukakan 1 usul; Yang Mulia Awang Ali bin Ahmad telah mengemukakan 2 usul, manakala Yang Mulia Awang Mohamed Taib bin Haji Mohamed Salleh telah mengemukakan 1 usul.

Usul2 yang di-luluskan dengan suara ramai dalam persidangan tersebut ada-lah seperti berikut:

Usul oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Wakil Delima berbunyi

bahawa Majlis yang bersidang pada hari itu menasehatkan Kerajaan supaya kawasan tanah Kerajaan antara Simpang Berakas /Muara, ia-itu di-belakang Bangunan Penchegah Malaria, dijadikan tapak kedai dan pasar untuk penduduk orang2 Melayu di-Mukim Berakas.

Usul oleh Yang Mulia Awang Ali bin Ahmad, Wakil Kawasan Muara berbunyi bahawa Majlis itu menasehatkan Kerajaan membesarkan ampangan ayer yang ada pada masa ini di-Tanjong

Batu, Muara dengan sa-chepat2-nya.

Usul yang di-luluskan dengan pindaan ia-lah oleh Yang Mulia Awang Ali bin Ahmad, wakil Kawasan Muara berbunyi bahawa Majlis itu menasehatkan Kerajaan supaya mengadakan Pasar Sementara di-Pekan Muara untuk menangkap2 ikan menjual ikan-nya tanpa orang2 tengah.

Satu lagi usul yang di-luluskan dengan pindaan ia-lah oleh Yang Mulia Awang Mohamed Taib bin Haji Mohamed Salleh, wakil Kawasan Sungai Kedayan yang telah meminta Majlis itu menasehatkan Kerajaan untuk memperbaiki Tambatan Kastam Diraja Brunei serta memberi kemudahan2 tempat penumpang2 turun naik.

D.Y.M.M. BERANGKAT KA-ENGLAND

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat dengan kapal terbang dari Brunei ka-Singapura pada 25 Jun, 1965 dalam perjalanan Baginda ka-United Kingdom, Eropah dan Amerika Sharikat.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam telah di-lantek menjadi Timbalan Sultan, pada masa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berada di-luar negeri.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.

Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA BERTUNANG

BANDAR BRUNEI. — Ada-lah di-umumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah, Putera Sulong kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, telah bertunang dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha, Puteri kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Isteri.

Istiadat pertunangan tersebut telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada 24 Jun, 1965. Perkahwinan Di-Raja itu akan di-adakan tiada berapa lama lagi.

Di-antara-nya yang telah menyaksikan istiadat tersebut ia-lah Penasehat Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Muhammad Salleh; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan lain2-nya.



Daerah Brunei/Muara telah berjaya membolot gelaran kejohanan dalam peraduan membaca Kura'an dan Sharahan bagi murid2 Sekolah2 Ugama Sa-Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 24 dan 25 Jun yang lalu. Pembukaan rasmi peraduan tersebut telah di-lakukan oleh Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali.

Gambar kiri, Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Omar, johan membaca Kura'an bahagian perempuan; Dayang Norlia binte O. K. Haji Abd. Rahim, johan sharahan bahagian perempuan; Awang Asli bin Haji Hidup, johan membaca Kura'an bahagian laki2 dan Awangku Osman bin Pengiran Abbas, johan sharahan bahagian laki2.

PEMANGKU P.P.N. MERASMIKAN PEMBUKAAN KELAS2 DEWASA PELAJARAN MENENGAH DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI—Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff telah merasmikan pembukaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Menengah, Ilmu Menyimpan Kira2 dan Ilmu Urusan Rumah Tangga di-Bandar Brunei, bertempat di-bangunan baru Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pada petang hari Isnin 21 Jun.

Sa-belum merasmikan pembukaan Kelas2 Dewasa tersebut, Awang Noordin berkata, antaranya bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Brunei sentiasa dan sedia akan memberikan berbagai2 kemudahan untuk menjayakan dan memajukan lagi perjalanan dan usaha2 yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa itu.

Selanjut-nya Awang Noordin menegaskan bahawa tugas Jabatan Pelajaran Negara yang terpenting ia-lah untuk menyesuaikan Dasar Sukatan Pelajaran serta mata pelajaran di-dalam Bahasa Melayu di-Negeri Brunei ini.

Beliau telah menyeru kepada semua penuntut2 baru kelas2 dewasa itu supaya hendak-lah jangan ada terlintas perasaan jemu untuk belajar.

Kapada guru2 yang bertugas yang di-letakkan kepercayaan kepada mereka, Awang Noordin telah menyeru supaya jangan-lah timbul perasaan bosan apabila sa-orang penuntut itu lambat menerima pelajaran yang di-ajarkan kepada-nya.

Kapada orang ramai pula, Awang Noordin telah berseru supaya mereka "ikuti-lah contoh dan langkah kawan2 dan saudara2 Awang2 dan Dayang2

sendiri untuk pergi belajar di-kelas tersebut".

Terdahulu dari itu, satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhammad.

Dalam ucapan-nya, Awang Umar telah memberikan penerangan berkenaan dengan perjalanan Kelas2 Dewasa itu yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa Negeri Brunei semenjak tertubuhnya dalam tahun 1959.

Dengan ada-nya kelas2 Dewasa yang baru di-buka pada petang hari tersebut, kata Awang Umar, jumlah pelajar2 dewasa di-seluruh Negeri Brunei pada masa ini berjumlah lebih daripada 4,000 orang pelajar2 yang belajar di-berbagai2 bahagian pelajaran kelas dewasa.

SEJARAH BARU

"Pada petang ini, terchatit-lah satu sejarah baru bagi Kelas2 Pelajaran Dewasa kerana pada masa ini-lah kita akan melangkah sa-langkah lagi ka-hadapan untuk memasoki Kelas Dewasa Pelajaran Menengah — Kelas ini akan memberi peluang yang sa-besar2-nya kepada pelajar yang mengikuti untuk membolehkan memasoki di-dalam Peperiksaan



Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff, kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Menengah, Ilmu Menyimpan Kira2 dan Urusan Rumah Tangga di-Sekolah Melayu S.M.J.A. pada 21 Jun, 1965.

Sijil Pelajaran Rendah (L.C.E.) dalam tahun 1966, juga membolehkan mereka pada suatu masa nanti memasoki mana2 peperiksaan yang lebih tinggi dari Sijil Pelajaran Rendah", kata Awang Umar.

Beliau telah menyeru kepada mereka supaya jangan-lah hendak-nya di-buat seperti bidalan Melayu, "Saperti memegang besi panas sahaja".

"Bila merasa panas di-lepaskan, kadang2 ada juga pelajar2 itu, bila sampai ka-sesuatu perkara yang sedikit susah, maka pelajar itu pun mula-lah menghilangkan diri-nya dari kelas. Ini-lah satu penyakit yang mesti di-hapuskan dan di-ubahkan.

Sa-perkara lagi ada satu penyakit kapada pelajar itu, ia-lah penyakit jemu, sambil-lewa dan indah tak indah sahaja dengan

pelajaran-nya, kalau-lah ada sikap yang bagini, siapakah yang rugi? Sendiri-lah yang rugi dan kechewa", kata beliau.

Akhir-nya Awang Umar telah menyeru kepada semua pelajar sekalian, ia-itu berpandu-lah pada peri bahasa Melayu, "Sesal Dahulu Berpendapatan — Sesal Kemudian Tak Ada Guna-nya", atau sudah terlambat, "Kalau-lah Berda'awat, Biar-lah Sampai Hitam".

Tukang Ubat

Doktor David Alfred de Renzy-Martin, M.B.B.S., (London) D.R.C.O.G., D.I.H., d/a Rumah Sakit Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, di-Kuala Belait telah di-daftarkan sa-bagai Tukang Ubat.



MAJLIS
P. A.
KELAB
ROTARY
BANDAR
BRUNEI



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berkenan menerima jemputan menjadi Penaung Kelab Rotary Bandar Brunei. Ini telah di-umumkan oleh Presiden Kelab itu, Doktor J. S. Gould di-Majlis Penerimaan Anggota kelab itu dalam kelab tersebut, hadiah2 dari Pertubuhan Rotary Antara Bangsa kepada tiap2 ahli kelab tersebut dan lain2-nya telah di-sampaikan oleh Gabnor Kelab Rotary Antara Bangsa bagi Daerah 330, L. G. Young di-majlis tersebut di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu pada malam 19 Jun. Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha yang telah beruchap bagi pihak D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan juga atas nama Yang Teramat Mulia itu sendiri; Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara; Timbalan Menteri Besar Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Y.B. Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Presiden Kelab Rotary Jesselton, Canon E. C. W. Rusted dan lain2-nya. Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut. Dari kiri: Isteri Canon Rusted; Gabnor Kelab Rotary Daerah 330 L. G. Young; Doktor J. S. Gould; dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha.

KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL PERHATIAN YANG BERAT BAGI PERKEMBANGAN PERTANIAN DI-NEGERI BRUNEI - Kata Penolong Menteri Pertanian Y. B. Pengiran Damit Sunggoh

BANDAR BRUNEI — Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyeru seluruh lapisan kaum tani di-negeri ini supaya bekerjasama dengan Kerajaan untuk memajukan pertanian.

Beliau menegaskan, pertanian ada-lah satu2nya alat sa-buah negara yang maha penting bahkan lebih penting dari segala yang di-pentingkan dan manusia tidak boleh hidup dengan tidak ada hasil usaha dari pertanian.

Seruan itu di-buat oleh beliau ketika memberi ucapan di-Mashuarat Persatuan Peladang2 Negeri Brunei yang di-langsungkan Di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei baharu2 ini.

Pengiran Damit menegaskan lagi bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah sentiasa mengambil perhatian yang berat untuk mengembangkan pertanian di-negeri ini dan usaha2 akan di-jalankan terus-menerus sa-hingga tercapai kejayaan.

Ketika menyatakan betapa penting-nya pertanian ini, Pengiran Damit berkata bahawa sa-sabua Kerajaan yang mempunyai ratusan ribu askar dengan chukup alat senjata-nya tidak akan dapat mempertahankan negara-nya jika tidak mempunyai bahan2 makanan.

Beliau berharap supaya perjumpaan tersebut akan mencapai kejayaan yang chemerlang dan memberi hasil2 yang baik yang akan dapat di-rasai dan dinikmati oleh sa-genap lapisan masharakat.

Kapada petani2 pula beliau menggesa mereka supaya menyedari a k a n tanggung-jawab masing2 yang di-sifatkan beliau sa-bagai tulang belakang bagi sa-sabua negara di-dunia ini.

Pengiran Damit menegaskan bahawa ahli2 chandikiawan pernah mengatakan bahawa sa-hari Pa'tani tidak menghayunkan changkol-nya, sa-tahun dunia akan menangis.


Sementara itu, Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamdoon bin Awang Damit telah menyatakannya juga bahawa persatuan itu di-tubuhkan ada-lah atas anjuran jabatan-nya yang bertujuan samata2 untuk meninggikan taraf pertanian di-kalangan peladang2 dalam negeri ini.

Sesuai dengan tujuan tersebut, maka mashuarat yang di-adakan itu telah membincangkan chara2 mendapatkan wang untuk membeli perkakas dan alat pertanian dan menchari jalan untuk memperbaiki perusahaan pertanian dalam negeri ini.

Mashuarat itu telah di-hadhiri oleh wakil peladang2 di-seluruh negeri Brunei.

Menyebut mengenai persatuan peladang yang baharu saja di-luluskan pendaftaran-nya oleh Kerajaan beliau menegaskan bahawa tujuan utama persatuan tersebut ia-lah bagi memesatkan Projek Perkembangan pertanian dan meninggikan taraf hidup peladang2 di-negeri ini.

Penolong Menteri Pertanian, Y. B. Pengiran Damit b. Pengiran Sunggoh kelihatan dalam gambar ini semasa memberi ucapan di-Mashuarat Persatuan Peladang2 Negeri Brunei baharu2 ini.



Pengibaran Bendera Brunei di-Sekolah2

Mulai dari 1 Julai, 1965 semua sekolah2 yang dulu-nya belum lagi mengibarkan Bendera Brunei ada-lah di-kehendaki supaya mengibarkan-nya pada hari2 persekolahan mereka di-jalanan.

Tiang bendera hendak-lah di-dirikan di-tempat yang sesuai di-hadapan bangunan Sekolah yang tertentu. Bendera mesti-lah di-naikkan pada sa-belah pagi sa-belum pelajaran pagi2 di-mulai, dan di-turunkan pada sa-belah petang.

Kerjasama semua Guru2 Besar sekolah2 dalam menentukan bahawa perkara ini akan terlaksana dengan baik-nya ada-lah sangat di-harapkan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 Julai hingga ka-hari Selasa 13 Julai, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7	7	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
8	8	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
9	9	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
10	10	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
11	11	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
12	12	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
13	13	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 9 Julai, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:—

(a) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Pekan Bangar, Temburong.

(b) Mulai pada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang di-Sekolah Melayu Kati Mahar Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan d e n g a n Ugama Islam kita yang maha suci.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara

Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei semasa Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes berchuti mulai pada 21 Jun, 1965.

SHARIKAT MINYAK HADIAHKAN PEMBESAR SUARA

BATU APOI—Sharikat Minyak Shell Brunei telah memberi hadiah Pembesar Suara kepada Masjid Kampong Batu Apoi Temburong pada 25 Jun, 1965

Hadiah itu telah di-sampaikan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Awang P. A. Coates bagi pehak Sharikat Minyak Shell kepada Penghulu Kampong Batu Apoi Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohammed Yusof.

Pengetua Pegawai Hal-Fhwai Ugama telah di-wakili oleh Kadzi Ishak bin Adam, Kadzi Daerah Temburong.

Majlis telah di-akhiri dengan jamuan makan daripada penduduk2 Kampong Batu Apoi.

DAUN NIPAH SUMBAR PENCHARIAN SA-HARI²

PENDAPATAN MEROSOT

BERBAGAI2 chorak dan bermacam2 jenis mata pencharian telah dan sedang di-lakukan oleh manusia untuk menyara hidup mereka sa-hari2.

Orang yang suka berusaha dan bekerja, untuk menjamin hidupnya dan keluarga-nya untuk masa sekarang dan masa hadapan, sudah barang tentu akan mendapat kejayaan dan bintang hidup-nya akan sentiasa bersinar.

Tetapi jika sa-balek-nya, yang terbit dari kemalasan dan kejahilan dalam serba-serbi, maka hidup orang itu besar kemungkinan tidak bermaya dan pudarlah bintang hidup-nya sa-panjang waktu.

Hidup di-dunia ini, apa yang perlu ia-lah usaha dengan tidak mengenal jemu dan berkeyakinan bahawa dari usaha2 itu satu ketika nanti neschaya akan terbit kechermalangan yang bakal membawa diri kita ka-satu penghidupan yang lumaian.

Di-negeri kita Brunei Darussalam ini, memang tidak dapat di-sangkal lagi bahawa penduduk2-nya yang berbilang bangsa itu masing2 dengan usaha mereka yang di-buat dengan sungguh2 untuk hidup masa hadapan mereka. Tetapi tidak pula di-nafikan ada-nya di-antara ra'ayat dalam negeri ini yang malas berusaha dan hanya mengharapkan kapada yang mendatang sahaja.

Kechenderongan kapada makan gaji, baik kapada Kerajaan dan mahupun kapada majikan2 ada-lah di-taksirkan lebeh banyak dari bekerja sendiri.

ANAK2 MUDA

Anak2 muda sekarang lebeh chenderong kapada makan gaji dari suka bergelut dengan jala atau pukat atau dengan changkol dan pongkis.

Masa'alah ini, sa-tengah2 pendapat mengatakan bahawa kechenderongan makan gaji itu ada-lah sa-bagai satu kejayaan dalam menempoh hidup di-zaman modern ini, yang telah di-isikan dengan ilmu2 teknologi dan ilmu pengetahuan yang lain.

Tetapi pendapat serupa itu telah mendapat tentangan dari pehak yang lain yang suka kapada bekerja sendiri dengan alasan bahawa dari hasil usaha bekerja sendiri di-kalangan ra'ayat, ekonomi negara akan terjamin.

Dalam ruangan ini, kita akan chuba memperkenalkan usaha2 yang di-jalankan oleh ra'ayat dalam negeri ini yang di-amalkan sa-bagai satu sumber nafkah hidup mereka sa-hari2.

Perkataan "Menuhur atap" dan "mengambil daun" ada-lah perkataan2 yang tidak asing lagi bagi penduduk2 dalam negeri ini kerana kedua2 perkataan itu lazim di-gunakan kapada orang2 yang menchari nafkah hidup melalui bekerja mengambil daun2 nipah di-sungai2 untuk di-jadikan atap rumah.

CHERITA ORANG TUA2

Menurut cherita orang tua2, kerja mengambil daun nipah ini telah di-lakukan oleh orang2 yang terdahulu dari kita ia-itu sa-belum zaman "Si-Nuai" yang mengangakat sa-ikat daun2 nipah sa-besar pemelok (pemelok orang2 Brunei Tua) dengan menggunakan kuping telinga-nya sahaja.

Di-antara tahun2 tiga puluhan dan empat puluhan penduduk2 yang tinggal di-Kampung Ayer

ada-lah ramai bilangan-nya yang memusatkan mata pencharian mereka dengan melalui "atap daun nipah" ini.

Di-antara tahun2 tersebut penjualan atap daun nipah ini ada-lah ternyata amat laris dan dari hasil penjualan yang begitu memuaskan, maka beberapa orang dari mereka boleh-lah di-katakan hidup dalam lingkungan gembira.

Pada waktu itu keluarga2 di-kampung ayer yang hendak membuat rumah, awal2 lagi mereka telah menempah atap tersebut kapada penjual2-nya. Harga tiap2 sa-keping atap waktu itu ia-lah 2 sen, dan pada masa ini 12 sen sa-keping atau \$12.00 bagi sa-ratus keping (bangkawan).

Penduduk2 kampung yang ramai bilangan-nya mengusahakan perusahaan tersebut sa-bagai mata pencharian mereka ia-lah di-Kampung Peramu dan perusahaan itu maseh lagi di-usahakan hingga sekarang ini, tetapi bilangan-nya sudah berkurangan nampak-nya.

Di-kampung tersebut pada masa ini hanya tinggal satu keluarga sahaja yang maseh mempertahankan perusahaan tersebut. Keluarga itu ia-lah Awang Baha bin Abdullah.

Ketika di-tanya mengenai kemerosotan perusahaan itu, Awang Baha menyatakan bahawa kebanyakan anak2 muda masa ini lebeh suka pada makan gaji dari bekerja sendiri. Pada hal, tambah beliau, bekerja sendiri itu bila di-usahakan dengan rajin dan usaha, pendapatan-nya lebeh baik dari makan gaji.

Di-tanya apakah dari sebab2 itu, maka perusahaan atap daun tersebut telah merosot bilangan orang2 yang mengusahakan-nya?


Awang Baha menyatakan, bukan itu sahaja, tetapi yang lebeh menduka-chitakan ia-lah di-sebabkan kekurangan pembeli2-nya dan mungkin juga orang lebeh suka kapada perkakas2 yang modern dari yang asli.

HASIL PENJUALAN

Mencheritakan akan pendapatan beliau, Awang Baha menegaskan bahawa dalam beberapa tahun yang lampau dari hasil penjualan atap daun itu tidak kurang dari enam atau tujuh ringgit sa-hari, tetapi pada masa ini jangankan empat ringgit, dua ringgit pun agak susah sedikit.

Chuma sa-kali sa-kala kalau nasib baik, baru-lah boleh menyemai seperti pendapatan yang dulu, itupun hanya dua kali atau sa-kali sa-bulan dan kadang2 langsung tidak ada." kata Awang Baha.

Mencheritakan hal-chwal pekerjaan yang di-buat-nya itu, Awang Baha menyatakan bahawa dalam belasan tahun yang lalu beliau mengambil daun nipah ka-



AWANG BAH

sungai2 di-perayeran Brunei ini, hanya menggunakan sampan dan terpaksa turun dari rumah sejak suboh2 lagi.

Hampir ka-semua sungai2 itu telah di-kunjongi-nya untuk menchari daun2 nipah yang baik dan lebar buka-nya yang sesuai untuk di-jadikan atap dan boleh tahan lama hingga 4-5 tahun.

Dengan menggunakan sampan, Awang Baha pernah menjelajah ka-sungai2 yang jauh jarak-nya dari Bandar Brunei seperti sungai2 yang berdekatan dengan sempadan antara Brunei dengan Limbang.

KERANA PERUT.....

Hasil dari pendapat beliau dalam jangka belasan tahun yang lalu dan untuk menjamin penghidupan-nya sa-keluarga, maka beliau telah berjaya membeli sabuah injin sea-gull yang di-gunakan-nya hingga-lah pada masa ini. Sekarang injin tersebut telah berusia kira2 lima tahun dan keadaannya sudah agak tua sedikit.

Namun demikian, kata Awang Baha, ia maseh kuat lagi, tetapi tenaga saya sendiri sudah jauh kurang-nya, kerana saya sudah agak tua dan hendak memegang parang pun saya rasa tidak terdaya, tapi kerana perut saya terpaksa membuat kerja, lebeh2 lagi bila mengenangkan anak2 saya yang maseh kecil2 ini.

Awang Baha berumur 65 tahun, mendapat pinchen tua dari Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, dan mempunyai sa-orang isteri dan enam orang anak, 4 perempuan dan 2 laki2.

PERSEKUTUAN2 BARU DI-DAFTARKAN

Pendaftar Persekutuan2 Brunei, telah merasmikan pendaftaran dua buah persekutuan baru2 ini.

Persekutuan2 tersebut ia-lah seperti berikut:

Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Kiarong, Brunei dan Persatuan Kebajikan Perempuan, Daerah Belait.



Ibu ini sedang menganyam (menuhur) atap daun nipah menurut tempahan pembeli.

TINJAUAN DUNIA HARI INI

P.B.B. HARI INI DAN ESOK

SESUAI dengan perubahan baharu keluaran Akhbar Rasmi Kerajaan ini, maka satu muka baharu mengandungi renchana "Tinjauan Dunia Hari Ini" di-adakan pada tiap2 minggu, dalam ruangan ini, bagi renongan para pembaca untuk mengetahui serba sedikit perkembangan dunia sekarang ini.

Walaupun renchana ini mungkin kurang nilai-nya untuk disesuaikan dalam akhbar ini, tetapi menurut pendapat molek di-adakan jua bagi di-jadikan pengetahuan dan panduan selaras dengan kemajuan negeri kita Brunei Darul Salam yang semakin hari semakin bertambah chorak kemajuan dan perkembangan-nya, untuk di-imbangkan dengan kemajuan dunia luar, sesuai dengan cita2 utama kerajaan baginda, untuk mengekalkan keamanan, kema'moran dan kesejahteraan di-kalangan ra'ayat dan negeri kita, yang selama ini dalam aman sentosa.

Mudah2an dengan terbit-nya renchana pertama ini, akan dapat memberikan kepada para pembaca gambaran yang boleh mem-buahkan pengetahuan yang baik.

«Oleh Hanafi Joffri»

BADAN PENDAMAI

Pada hari Sabtu, 26 June yang baharu lalu, Pertubohan Bangsa2 Bersatu, sa-buah badan antara bangsa 114 buah negara, yang berjuang kerana keadilan dunia, telah membuat perayaan kerana memperingati hari ulang tahun-nya ke-20, di-San Francisco, tempat asal-nya Pertubohan itu di-bentok.

Perayaan memperingati ulang tahun-nya di-lakukan juga di-merata2 wilayah, ia-itu dari Ibu Pejabat-nya yang sekarang di-New York hingga-lah ke-kawasan di-mana terdapat badan2 chawangan Pertubohan itu.

Oleh di-sebabkan ini ada-lah kali yang ke-dua puluh, yang ber-erti dua puluh tahun lama-nya sudah Bangsa2 Bersatu itu di-tubuhkan, maka riwayat, ke-giatan, tujuan utama dan segala sumbangan-nya, jelas sudah ha-nyak kali juga di-laporkan, yang pada akuan kita lahir-nya Badan Se-Dunia itu ada-lah baik, dan pada keseluruhan-nya memang merupakan Badan yang berjuang kerana keadilan di-dunia.

Memandang kepada segala ke-nyataan2 itu tadi tentu-nya Badan Se-Dunia itu mempunyai pera-nan yang paling penting, walau-pun di-kalangan negara2 anggota ada yang terdapat bertentangan satu sama lain, kalau pun tidak dalam persidangan di-New York. Namon demikian, segala perba-hathan, yang terkadang2 ada di-antara mereka yang merajok, sambil meninggalkan kerusi dalam persidangan, biasa-nya membuahkan satu2 kejayaan dalam menyelesaikan satu2 mas-a'alah yang rumit. Ini dapat-lah di-sebut at as kebijaksanaan Badan Sedunia itu. Jadi dengan kebijaksanaan-nya itu banyak pula masa'alah yang dah di-

selesaikan. Mithal-nya seperti masa'alah perjuangan di-Congo, Korea, Afrika Selatan, Irian Barat masa'alah perang di-Pulau Cuba, dan banyak lagi yang lain-nya.

SUSUNAN

Pertubohan Bangsa2 Bersatu yang ada sekarang mempunyai enam badan yang utama; ia-itu Dewan Perhimpunan Agung yang menjadi Badan Pusat kepada Majlis Keselamatan, Mahkamah Pengadilan Antara Bangsa, Pe-jabat2 Setiausaha, Majlis Econ-omy dan Social dan Majlis Amanah, di-mana Badan2 utama-nya itu menyampaikan laporan mereka.

Kemudian dari Enam Badan Utama itu berpechah pula kepada 33 chawangan-nya yang lain dan seterusnya bagaimana Bangsa2 Bersatu itu membuat perhubung-an dengan chawangan2 tersebut, sesuai dengan tiap2 perkara yang di-usahkan. Bagaimana pun dalam keadaan dunia yang ada sekarang, terutama sekali ada-nya beberapa krisis politic yang menimbulkan ketegangan antara bangsa, pergolakkan sempadan dan perkembangan senjata2 neuk-lear, nampak-nya dua badan utama seperti Majlis Keselamatan dan Mahkamah Keadilan Antara Bangsa yang menjadi sasaran kepada masa'alah2 itu.

PERUBAHAN

Dalam menjalani usia 20 tahun itu, Badan Se-dunia lazim-nya banyak, malahan terlalu banyak menghadapi berbagai pencheru-boh, maka sesuai dengan kepintaran-nya itu tadi, maka kebanyakan dari masa'alah itu sudah di-selesaikan. Walaupun ada di-antara-nya merupakan penyelesaian samar2, tetapi akhir-nya akan tiba kepada penyelesai-an sepenoh.

Selain dari itu, Badan Se-Dunia itu juga menghadapi satu ujian apabila Republic Indonesia me-narek diri keluar dari menjadi anggota, menjelang tahun baharu 1965. Sebelum-nya, Bangsa2 Bersatu yang asal-nya mempunyai hanya 50 buah negara di-San Francisco itu, mengandungi 115 buah negara, setelah banyak negara yang mencapai kemer-dekaan, menyertai Bangsa2 Ber-satu. Kemudian apabila Indo-nesia keluar, negara anggota ber-tambah kurang satu, yang men-jadikan 114 buah negara sekarang ini. Alasan Indonesia ia-lah ke-rana ia-nya merasa tidak puas hati terhadap bentok dan susunan Bangsa2 Bersatu, yang ada se-karang. Langkah Indonesia itu di-sokong oleh China Kominis, yang belum lagi di-terima men-jadi ahli.

KETEGOHAN PIAGAM

Bangsa2 Bersatu mempunyai Piagam yang sangat di-banggakan oleh-nya. Piagam-nya mengan-dungi 111 fasal atau renchana, yang telah di-terima dan di-tanda tangani di-bandar raya San Fran-cisco, Amerika pada 26 haribulan June, tahun 1945, selepas perang dunia ke-dua. Kalau di-kaji memang tidak terdapat kekurangan dalam Piagam tersebut.

Sedangkan Pendahuluan dari Piagam Bangsa2 Bersatu terchatet tiga rangkapan kata yang besar, antara-nya bahawa Pertubohan Bangsa2 Bersatu ada-lah berazam untuk menyelamatkan keturunan yang akan datang, dari binchana peperangan, kerana dua kali umat di-dunia mengalami kezabab yang tidak terhingga.

Untuk memberikan taraf yang sama dan yang se-adil2-nya kepada umat manusia menurut hak2 mereka, sechara terhormat dan terlindung.

Meninggikan kemajuan social atau kemasharakatan, meninggi-kan taraf penghidupan dengan kebebasan yang besar. Maka untuk mencapai tujuan2 itu-lah, betapa perlu di-lateh hidup ber-sabar dan bersama dalam damai, antara satu dengan lain sebagai tetangga yang muhibbah. Men-gumpolkan tenaga untuk me-melihara keamanan dan kesela-matan antara bangsa. Menentu-kan pada dasar yang dapat di-terima, mengelakkan penggunaan senjata dan kekerasan bagi ke-pentingan bersama, menggunakan jentera antara bangsa bagi me-ninggikan lagi kemajuan umat manusia dalam segi kemashara-katan dan economy, dan lain-nya.

USAHA

Berbalek kepada kenyataan bahawa bentok dan susunan Bangsa2 Bersatu yang ada sekarang sudah lapok, ter-

ingat pula kenyataan yang sama, yang di-berikan oleh Setiausaha Agung-nya yang ketiga, dari sejak penubohan-nya, ia-itu U Thant dari negeri Burma.

Ada-nya kenyataan, seperti ini, maka terbukti-lah ada-nya seruan2 yang memerlukan Bangsa2 Bersatu itu sendiri, menghadapi perubahan2 sesuai dengan keadaan hari ini.

Seruan itu juga pernah di-dengar dari Ketua Majlis Perhimpunan Agung dan beberapa buah negara anggota, kebanyakan-nya dari Asia Afrika.

Mungkin satu daripada-nya ia-lah tentang hak pembatal, yang sekarang di-pegang oleh lima kuasa besar, kerana ada-lah di-bimbangkan jika ini berjalan terus, mungkin masa-lah2 genting sukar hendak di-atasi, tanpa sokongan sepenoh dari ke-lima2 kuasa yang mempunyai hak pembatal itu. Dan ini juga ada-lah memberikan peluang kepada mereka untuk me-mentingkan hak sendiri, ia-itu ber-lawanan dengan Piagam yang di-bentok-nya itu.

Kalau di-bandingkan sekarang sua-sana dan keadaan dunia ada-lah sangat berbedza, dari sejak Bangsa2 Bersatu itu di-Bentok, 20 tahun dulu, dan itu-lah sebab-nya U Thant sen-diri, mungkin sudah banyak penga-laman kedudukkan itu, telah menyata-kan supaya bentok dan susunan Bangsa2 Bersatu itu di-ubah, usol yang sama datang-nya dari negara2 Asia Afrika, yang lebeh banyak men-jadi anggota dalam Pertubohan Se-Dunia itu. Jadi ini dapat di-ukor tentang rasa tidak senang di-kalangan negara2 anggota itu semakin merebak. Kerana itu mungkin perlu sekali di-usahkan dengan segera dan ber-kesan, supaya dapat di-jauhkan wabak itu dari merebak, sedangkan Piagam Bangsa2 Bersatu itu tetap berchorak demokrasi.

PERBEZAAN

Kalau di-kaji tentang kebijaksanaan Pertubohan itu, tentu-nya kemahiran seperti itu datang-nya dari kerjasama 114 buah negara yang di-sebutkan tadi. Jadi negara2 yang berjumlah sebanyak itu juga, mungkin dapat menggunakan kebijaksanaan-nya untuk menjadikan Pertubohan mereka lebeh baik, maju dan berkesan. Dalam lain2 perkataan lebeh maju sesuai dengan keadaan dunia sekarang ini dan sanggup menghadapi sesuatu masa'alah antara bangsa, hingga ter-chapai-nya perdamaian.

Dapatkah di-pastikan bahawa bentok dan susunan Bangsa2 Bersatu itu akan di-ubah segera, berdasarkan kepada alasan2 yang di-sebutkan tadi. Tetapi apa jua segala usaha2 baik yang di-utarakan ada-lah di-harapkan Pertubohan Se-Dunia itu menjelma sebagai Badan yang mengamalkan dasar, untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kema'moran dunia seluruh-nya, seperti mana yang telah berjalan selama ia-nya terbentuk. Supaya menjelang tahun hadapan, dapat di-rayakan sekali lagi kerana memperingati ulang tahun-nya yang lanjut.

(Renchana ini telah di-terbitkan me-nerusi Radio Brunei pada 28 June, 1965 jam 7-45 malan—Pengarang).

PENGUMUMAN MENGENAI PERUBAHAN DAFTAR PENGUNDI²

BANDAR BRUNEI—Daftar pengundi di-bawah Peratoran Pilehan Raya (Pendaftaran Pengundi) tahun 1964 akan di-ubah menurut bab 16 di-bawah undang² tersebut pada atau sa-lepas 1hb Julai tiap² tahun, tetapi tidak lewat daripada 12hb Ogos.

Surohanjaya Pilehan Raya telah menetapkan bahawa perubahan daftar itu akan di-mulai pada 12hb Julai dan di-tamatkan pada 12hb Ogos.

Mengikut ketetapan ini tarikh kelayakan bagi sa-saorang menjadi pengundi ia-lah 11hb Julai.

Pendaftaran yang akan di-jalankan dari 12 haribulan Julai hingga 12 haribulan Ogos itu ia-lah untuk mendaftar orang² yang berkelayakan ia-itu orang yang belum lagi mendaftar menjadi pengundi, orang² yang telah sampai umur-nya 21 tahun atau lebih pada 11 haribulan Julai dan

orang² yang mendapat sijil kera'ayatan sa-lepas pendaftaran tahun lepas yang layak menjadi pengundi.

Tiga jenis orang² yang layak mendaftar menjadi pengundi ini hendaklah datang ka-pusat² pendaftaran pilehan raya yang di-dirikan di-Sekolah² Melayu luar Bandar, pejabat² Daerah dan Pejabat Pilehan Raya dalam tempoh yang di-sebutkan tadi untuk di-daftarkan menjadi pengundi.

Di-pusat² pendaftaran itu juga nanti akan di-jalankan pendaftaran perubahan alamat dan perubahan bahagian pendaftaran. Ini di-maksudkan kepada orang² yang sudah mendaftar pada tahun lepas yang sekarang telah pindah ka-alamat baharu dan berubah bahagian pendaftaran-nya.

Keterangan lanjut ada-lah saperti berikut:—

Orang² yang sudah berdaftar pada tahun lepas tidak payah lagi mendaftar diri mereka kechuali mereka berhajat menukar alamat mereka serta menukar bahagian pendaftaran mereka di-mana mereka berkelayakan mendaftar. Pertukaran alamat serta bahagian pendaftaran ini mahu-lah di-buat dalam Borang B.

Pendaftaran kali ini ia-lah bagi mendaftarkan orang² yang berkelayakan yang belum lagi di-daftarkan menjadi pengundi. Ini ber-erti orang yang berkelayakan yang telah pada 11 Julai, 1965 mencapai umur 21 tahun ke-atas. Kedua, orang² yang berkelayakan yang berumur 21 tahun ke-atas baru² sahaja, ia-itu selepas pendaftaran tahun dahulu, mendapat Sijil Kera'ayatan dan ketiga, orang² yang berkelayakan sa-siapa pada tahun lepas belum mendaftarkan diri mereka atau ketinggalan mendaftarkan diri mereka.

Pemohon² ini boleh lagi mendaftarkan diri mereka mulai daripada 12 Julai, 1965 dan tidak lewat daripada 12 Ogos, 1965. Pemohon² ini mahu-lah datang ka-pusat² pendaftaran. Pusat² itu ia-lah di-Sekolah²

Melayu, luar Bandar, Pejabat² Pegawai Daerah dan Pejabat Pilehan Raya. Si-pemohon itu mahu-lah datang ka-salah satu pusat² ini untuk mendaftarkan diri mereka. Di-Sekolah² Melayu di-luar Bandar sa-orang dari Guru² yang bertugas di-Sekolah itu di-lantek menjadi Pegawai Pendaftar. Dari itu Surohanjaya Pilehan Raya menyeru pada tiap² orang yang berkelayakan dan suka di-daftarkan menjadi sa-orang pengundi dan siapa belum lagi di-daftarkan atau setelah di-daftarkan suka memindahkan pendaftaran-nya ka-sabuh bahagian pendaftaran yang lain di-mana ia-nya berkelayakan untuk di-daftarkan, hadir di-hadapan Pegawai Pendaftaran bagi membuat permohonan-nya pada atau selepas 12 Julai, 1965 dan tidak lewat dari 12 haribulan Ogos, 1965.

Perlu juga di-ingatkan bahawa sa-orang itu di-benarkan mendaftar diri tidak lebih dari satu pendaftaran sahaja. Sa-siapa mendaftar diri dua kali atau di-dua tempat akan menjadi salah dari segi Undang² Pilehan² Raya.

Di-seru supaya si-pemohon boleh membuat permohonan-nya dengan segera.

Derma Kenangan Maulud

BANDAR BRUNEI — Derma Kenangan Maulud sedang di-jalankan pada masa ini di-seluruh Negeri Brunei yang tujuan besarnya ada-lah bagi tabong kebajikan Islam.

Dari hasil kutipan derma itu nanti berbagai² ranchangan kebajikan akan di-lancarkan dan jika menchukupi akan di-dirikan sa-buah Rumah Kebajikan Islam.

Sabuh badan Jawatan Kuasa Derma Kenangan Mulud telah pun di-tubuhkan baru² ini dan mereka sedang bekerja keras bagi mendapatkan derma dari orang ramai.

Sa-orang Juruchakap badan tersebut menyatakan, di-samping menderma, orang ramai juga akan di-hadiahkan sa-keping bendera chendera-mata yang dilekatkan di-pakaian dan juga untuk kereta.

Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Ketua Panglima Angkatan Udara Sir John Grandy, Panglima Agong Tentera² British di-Timor Jauh telah melawat ka-Negeri Brunei pada 1 Julai.

Pada petang hari tersebut beliau telah mengadap Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha di-Istana Darul Hana.

Jawatan Kosong:

Pemereksa Kira²

Pemohonan² ada-lah di-jemput untuk memenuhi kekosongan² sebagai Pemereksa Kira² di-Jabatan Odit, Brunei.

Gaji: — Dalam tingkatan gaji \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290/ EXAM/ 310x20 - 370 - 380/BAR/400x20 - 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan²:

Pemohon² mesti-lah lulus sekurang²-nya Form III Sekolah Inggeris dan baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kepada calon² yang mempunyai pengetahuan dalam book-keeping dan pengalaman dalam accountancy.

Syarat² Lantekan:

Calon² yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuklah 6 bulan masa perhubungan Calon² yang terdiri dari ra'ayat² Sultan atau mereka yang berhak

di-daftarkan sebagai a'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Chalon² yang di-lantek sechara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan² daripada pegawai² Kerajaan, hendaklah di-hantar melalui Ketua Jabatan mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai itu besama² dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon² yang mesti di-isi di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 Julai, 1965.

ISTIADAT PENGURNIAAN GELARAN


BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam bulan Jun dan awal bulan Julai lalu telah memperkenankan bagi pengurniaan gelaran yang tertentu bagi tiga orang ra'ayat di-negeri ini.

Pada 17 Jun, gelaran Mudim telah di-kurniakan kepada Awang Haji Said bin Awang Tengah dari Kampong Madewa, Jalan Tutong dan gelaran serupa juga telah di-kurniakan kepada Awang Haji Yusof bin Pehin Khatib Haji Sulaiman dari Kampong Ayer pada 19 Jun.

Kedua² istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara bertempat di-Balai Penghadapan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Pada 1 Julai pula, Baginda telah memperkenankan bagi pengurniaan gelaran "Panglima Raja" kepada Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Perseh dari Kampong Saba.

Istiadat kurniaan gelaran itu telah di-langsungkan di-Surau Di-Raja dan di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad.



Gambar ini di-ambil di-majlis pengurniaan gelaran Mudim kepada Awang Haji Said bin Awang Tengah di-Balai Penghadapan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dalam bulan Jun yang lalu.

UTAMAKAN-LAH
BAHASA MELAYU
BAHASA KEBANGSAAN
NEGERI BRUNEI

Sokan Kejohanan Seluruh Brunei:

12 REKOD BARU DI-CHIPTA

SERIA. — Dua belas rekod2 baru telah di-chiptakan di-temasha pertandingan Sokan Kejohanan Seluruh Negeri Brunei di-Seria pada hari Ahad 27 Jun, 1965.

Delapan daripada rekod2 baru itu telah di-chipta oleh peserta2 lelaki dan empat lagi rekod2 baru telah di-chipta oleh peserta2 perempuan.

Rekod yang baik sekali di-temasha sokan tersebut telah di-buat oleh Abdullah Mustapha dari Kelab Sokan Bandar Brunei dalam lumba lari 100 meter, dengan mengambil masa 10.7 sa'at, ia-itu 0.1 sa'at lebih baik lagi dari rekod-nya yang lama dan juga rekod Sokan Borneo yang telah di-chiptakan oleh John Doukom dari Sabah di-temasha Sokan Borneo yang lalu di-Seria.

Satu lagi rekod yang baik telah di-buat oleh Chang Siew Khuyin dalam bahagian lompat kijang. Ia telah melompat sa-jauh 45 kaki 9½ inchi, ia-itu ½ inchi lebih baik dari rekod lompat kijang yang di-buat oleh Stephen Umbol dalam tahun 1965. Chang telah melompat sa-jauh 45 kaki 11 inchi di-temasha Sokan Daerah Belait di-Seria pada 20 Jun, 1965.

Inspektor Joseph Chin telah menjadi johan dan menchiptakan rekod2 baru dalam lumba lari 1,500 meter dan 5,000 meter. Sinin Metali menchiptakan rekod baru dalam lumba lari 800 meter.

David Chelliah menchiptakan rekod baru dalam lumba lari 400 meter. A Hamid Momin menchiptakan rekod baru dalam lumba lari lompat pagar 400 meter.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menchiptakan rekod baru dalam lumba lari berganti2 4x400 meter.

Peserta perempuan yang terbaik sekali, ia-itu biasa di-gelarkan sa-bagai "Bintang Sokan" di-temasha2 Sokan, ia-lah Lim Geok Kheng dari Maktab Anthony Abell, Seria. Ia telah menchiptakan tiga rekod baru, ia-itu lumba2 lari 200 meter, 400 meter dan lompat tinggi.

Sa-orang peserta perempuan Melayu juga telah berjaya menchiptakan rekod baru di-temasha sokan tersebut. Peserta itu ia-lah Dayangku Rohani. Ia telah menchiptakan rekod baru dalam lumba lari 800 meter.

Keputusan penoh rekod2 baru tersebut ada-lah saperti berikut, dengan rekod2 lama dalam kurung:—

Lompat pagar 400 meter (lelaki) — Abd. Hamid Momin (Persatuan Guru2 Melayu Brunei) 57.4 sa'at (60 sa'at).

Lompat Tinggi — Lim Geok Kheng (Maktab Anthony Abell, 4 kaki 5½ inchi (4 kaki 3½ inchi).

Lari 100 meter (lelaki) — Abdullah Mustapha (Kelab Sokan Bandar Brunei) 10.7 sa'at (10.8 sa'at).

Lari 1500 meter (lelaki) — Insp. Joseph Chin (Pulis Bandar Brunei) 4 minit 18.2 sa'at (4 minit 19.9 sa'at).

Lari 200 meter (wanita) — Lim Geok Kheng (Maktab Anthony Abell) 28.6 sa'at (29.6 sa'at).

Lari 400 meter (lelaki) — David Chelliah (Sekolah Missi Anglican) 53.2 sa'at (54.2 sa'at).

Lari 400 meter (wanita) — Lim Geok Kheng (Maktab Anthony Abell) 69.4 sa'at.

Lompat Kijang (lelaki) — Chang Siew Khuyin (Maktab Anthony Abell) 45 kaki 9½ inchi (45 kaki 9 inchi).

Lari 800 meter (lelaki) — Sinin Metali (Ashkar Melayu Diraja Brunei) 2 minit 2.7 sa'at (2 minit 8.8 sa'at).

Lari 800 meter (wanita) — Dk. Rohani Pg. Tajuddin (Gadong) 2 minit 55.2 sa'at.

Lari 5000 meter (lelaki) — Insp. Joseph Chin (Pulis Bandar Brunei) 18 minit 13 sa'at (18 minit 23.5 sa'at).

Lari berganti 4x400 meter (lelaki) — Askar Melayu Diraja Brunei 3 minit 40.7 sa'at (3 minit 44.4 sa'at).

Dayang Masnah bte. Yusuf, isteri Pegawai Daerah Belait, telah menyampaikan hadiah2 kepada mereka yang menang.



Abdullah Mustapha dari Kelab Sokan Bandar Brunei kelihatan setelah ia berjaya menjadi johan dalam lumba lari 800 meter dan juga menchiptakan rekod baru lumba lari itu di-temasha Sokan Kejohanan Brunei di-Seria pada 27 Jun, 1965.

Penolong S. U. K. Merasmikan Pembukaan Perkhemahan Pengakap2

GADONG — Penolong Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap2 Seluruh Negeri Brunei pada 19 Jun, 1965.

Perkhemahan Pengakap2 itu di-adakan di-Gadong Estate mulai 18 Jun hingga 20 Jun. Ramai pengakap2 dan anak2 serigala telah hadir di-temasha perkhemahan tersebut.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, di-jadualkan untuk merasmikan pembukaan perkhemahan pengakap2 tersebut.

Oleh kerana keuzuran Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, maka Awang Mohamed Taib telah merasmikan pembukaan perkhemahan pengakap2 tersebut.

Beliau telah menyampaikan tahniah kepada pengakap2 yang mengambil bahagian di-temasha tersebut dan juga kepada pemimpin2 pengakap keseluruhan-nya atas ketabahan dan pengorbanan masa, tenaga dan lain2-nya bagi menjayakan perkhemahan itu.

Terlebih dahulu Pesuruh Jaya Pengakap2 Negeri Brunei, Awang P. A. Coates telah memberikan ucapan.

Awang Coates telah mengucapkan berbilang2 terima kaseh atas kesudian Awang Mohamed Taib hadir di-majlis tersebut untuk merasmikan pembukaan perkhemahan pengakap2 itu.

TINJU SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Dua orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei, Private Raup dan Corporal Yunus telah menang dalam pertandingan akhir bagi Johan Persaorangan Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 26 Jun.

Private Raup telah memenangi gelaran johan "bantam weight" dengan mengalahkan Nikman Mohammad Nor dari Kelab Belia Seria dengan hitongan mata.

Corporal Yunus telah memenangi johan "Fly weight" dengan mengalahkan sa-orang askar lain, Corporal Jair, dengan hitongan mata.

Temasha itu telah di-serikan oleh satu pertandingan khas di-antara dua orang askar Gurkha, Rifleman Ramprasad Gurong dan Rifleman Omprasad Pub dalam bahagian "welter-weight".

Pertandingan itu di-menangi oleh Ramprasad Gurong.

Kedua2 orang askar itu dari pasokan Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles Bahagian 2/6 telah mengambil bahagian dalam sokan Olimpik di-Tokyo baru2 ini.

Berikut ini ia-lah keputusan2 bagi lain2 pertandingan. "Fly weight" Ishak Ismail mengalahkan Ali Hassan; Private Salleh mengalahkan Junit Ismail.

"Bantam weight" — S. Tony mengalahkan Private Razak, Mulee mengalahkan Terence Boyd.

"Feather weight" — Private Abu mengalahkan Momin.

"Light Welter weight" — Noor Shah mengalahkan Salias Othman.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Presiden Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed.

Penolong Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib, bagi pihak Menteri Besar Brunei, Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap2 dan Anak2 Serigala Sa-Negeri Brunei di-Gadong Estate pada pagi 19 Jun, 1965. Sa-bilangan dari Pengakap2 dan Anak2 Serigala kelihatan dalam gambar ini memberi hormat kepada beliau di-Majlis tersebut.



PEMBUKAAN RASMI MUKIM COUNCIL MUARA

MUARA. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Mukim Council Daerah Muara bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara pada pagi hari Juma'at 2 Julai, 1965.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut Awang Ali telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Ahli2 Mukim Council Daerah Muara khususnya dan seluroh penduduk2 Mukim tersebut 'am-nya, kerana sudi menjemput beliau untuk merasmikan pembukaan Mukim Council tersebut.

PERLEMBAGAAN

Awang Ali telah menerangkan dengan panjang-lebar berkenaan dengan Perlembagaan Mukim Council untuk pengetahuan ramai.

Dengan terujud-nya Mukim Council itu, kata Awang Ali, maka satu kemajuan lagi terbukti kepada anak2 kampung tersebut — kemajuan yang berchita2 hendak memimpin ra'ayat karah alam berdemokrasi yang meluas, sesuai dengan kehendak2



Awang Ali bin Awang Besar kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Mukim Council Daerah Muara pada pagi hari Juma'at 2 Julai, 1965.

PERARAKAN MAULUD

BANDAR BRUNEI. — Perarakan bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad di-Bandar Brunei akan di-adakan pada petang hari Ahad 11 Julai.

Pada petang hari tersebut juga, satu perarakan Sambutan Maulud Nabi oleh penduduk2 Daerah Belait akan di-adakan di-Pekan Seria.

SAMBUTAN MAULUD DI-KILANAS

KILANAS. — Penduduk2 Kampung Kilanas akan mengadakan satu majlis perjumpaan bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w., di-Padang Besar Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas pada pukul 7 malam, 11 Julai, 1965.

Majlis sambutan tersebut akan dibuka dengan rasmi-nya oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, dan akan di-tutup dengan Bacha'an Do'a Selamat oleh Tuan Imam Jema'ah Masjid Kampong Kilanas, Yang Mulia Dato Derma Wijaya Haji Tamit bin Aspar.

Jawatan Kuasa Masjid Kilanas mempersilakan orang ramai ka-Majlis tersebut.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, sebagaimana yang terchatit dalam Perlembagaan Negeri Brunei, Tahun 1959.

Sa-belum itu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Mukim Council Daerah Muara, Chegu Julaihi bin Sulaiman; Timbalan Pengerusi Mukim Council tersebut, Pengiran Kahar bin Pengiran Haji Abdul Razak dan oleh Wakil Penduduk2 Kampung Muara, Awang Ali bin Ahmad yang menjadi Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Muara.

HOKI: PASOKAN2 M.B. DAN P.J.P. — SERI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Menteri Besar telah seri. 2 gol berbalas 2 gol, dengan Pasokan Pesuroh Jaya Pulis dalam satu perlawanan hoki sa-chara persahabatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang kalmarin hari Selasa 6 Jun, 1965.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah menjaringkan kedua2 gol bagi pasokan beliau. A.S.P. Carvalho dan Inspektor Thani telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi Pasokan Pesuroh Jaya Pulis.

SAMBUTAN MAULUD DI-LABU ESTATE

LABU. — Satu majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah di-adakan di-Masjid Labu Estate, Temburong pada hari Juma'at 2 Julai, 1965.

Sambutan tersebut telah di-usahakan bersama oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Mukim Labu, penduduk2 Labu Estate, Senokoh dan Piasau dengan memperoleh kejayaan.

Di-antara acara2 yang telah di-adakan di-majlis tersebut mengandongi Bacha'an Al-Kura'an oleh Pengawas Bacha'an Al-Kura'an Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Ustaz Haji Khalidi bin Abdul Karim; Sharahan Khas oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin dan Uchapan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan; Kadzi Daerah Temburong, Awang Yussof Azam.

Adam dan oleh Setia Usaha sambutan tersebut, Awang Yussof Azam. Pada sa-belah malam pula, satu tayangan wayang gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan telah di-adakan di-tempat tersebut.

BANK KEMAJUAN ASIA

BANDAR BRUNEI. — Perutusan Bank Kemajuan Asia, telah mengadakan perbincangan yang berhasil, dengan Pegawai2 Kerajaan Brunei, pada 5 Julai. Pertemuan itu telah di-adakan di-Bilik Persidangan Setiausaha Kerajaan, di-Bandar Brunei.

Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, ketika melahirkan pendapat beliau berkata, bahawa pembentukan bank itu ada-lah merupakan satu rancangan yang menarek, dan mengharapakan perutusan itu berjaya dalam usaha-nya itu.

Perutusan Bank Kemajuan Asia itu mengandongi Tuan D. C. Gunasekera, yang menjadi Gabnor Bank Pusat Ceylon, dan Tuan Somai Hoon-

trakul, sa-orang pengarah Bank of Thailand, dengan Tuan Prok Amaranand dari Surohanjaya Ekonomik Pertubuhan Bangsa2 Bersatu, bagi Asia dan Timur Jauh, sebagai Setiausaha Teknikal, mewakili Jawatan Kuasa perundingan sembilan negara mengenai pembentokkan bank tersebut.

Chadangan menubuhkan Bank Kemajuan Asia, di-terima buat pertama kali-nya oleh Menteri2 Asia di-persidangan pertama mengenai kerjasama dalam segi ekonomik anjoran ECAFE di-Manila dalam bulan Disember tahun lepas.

Tujuan utama bank itu ia-lah bagi kemajuan Asia, dan ada-lah di-jangka bank tersebut akan mempunyai modal permulaan berjumlah kira2 3,000 juta ringgit, nilai wang Malaya.

Pembukaan Tambahan Masjid Bokok

BOKOK. — Istiadat pembukaan tambahan Masjid Kampung Bokok telah di-resmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohammed Salleh pada 18 Jun, 1965.

Dalam ucapan Y.A.M. Pengiran Shahbandar antara lain beliau telah mengingatkan supaya di-antara satu sama lain bekerjasama dan bertolong2an di-dalam kerja memperbaiki dan mengerjakan Ibadat dan menjauhkan daripada mengerjakan ma'asiat dan ta'at kepada Negara dan Sultan, hendak-nya jangan sampai di-ambil tindakan sa-chara Undang2.

Turut berucap di-dalam majlis itu ia-lah Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin; Kadzi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam, Pegawai

Daerah Temburong Pengiran Syed Shahminan dan Setia Usaha Bangunan Masjid.

Bangunan itu telah menelan belanja lebih \$2,000. Wang itu di-dapati daripada orang2 Kampung Bokok dan seluroh Brunei.

Pendaftaran Murid2 Baru

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran kanak2 yang akan belajar di-Sekolah2 Melayu di-seluroh Negeri Brunei dalam tahun 1966, di-mulai dari sekarang dan akan tutup pada 31 Julai, 1965.

Kanak2 yang akan di-terima itu ia-lah kanak2 yang di-lahirkan dalam tahun 1959.

Ibu bapa atau penjaga kanak2 itu boleh-lah mendapati Borang Pendaftaran tersebut dari Guru Besar Sekolah2 Melayu yang berhampiran dengan rumah masing2. Demikian menurut penerangan sa-orang Juru-chap Jabatan Pelajaran, Brunei.



Yang Amat Mulia Pengiran Muda Safiuddin ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin telah merasmikan pembukaan temasha Minggu Pelajaran, Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas baharu2 ini. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut. Dalam gambar ini kelihatan Y.A.M. Pengiran Muda Safiuddin duduk bilangan 9 dari kiri.